

Bil()dlm.PWN.Sel.(P)



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 6 TAHUN 2008

Kepada

Semua Pegawai Daerah,

Negeri Selangor Darul Ehsan

**PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN
AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (ADUN)**

1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pegawai Daerah mengenai penambahbaikan garis panduan penggunaan peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di Pejabat-Pejabat Daerah/Tanah.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Perbendaharaan Negeri Selangor telah mengadakan beberapa siri penjelasan dan penerangan kepada Y.B. ADUN dan pegawai-pegawai yang terlibat menguruskan peruntukan ini. Walau bagaimanapun masih terdapat kekeliruan dan kurang kefahaman dikalangan pegawai yang terlibat. Ekoran daripada itu dengan mengambil kira pandangan dan saranan pihak yang terlibat, Perbendaharaan telah mengemukakan cadangan penambahbaikan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

2.2 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke-30/2008 yang bersidang pada 17 Oktober 2008 telah meluluskan cadangan penambahbaikan tatacara penggunaan peruntukan ADUN.

3 PENAMBAHBAIKAN GARIS PANDUAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (ADUN)

3.1 Beberapa penambahbaikan telah dikenal pasti bagi memastikan peruntukan ini dapat disalurkan dengan berkesan dan seterusnya dapat mengawal perbelanjaan peruntukan ini secara lebih berhemat. Penambahbaikan garis panduan penggunaan peruntukan ADUN adalah seperti berikut :-

3.1.1 SKOP PENERIMA SUMBANGAN KEMASYARAKATAN

Skop penerima sumbangan diperluaskan kepada badan atau individu seperti persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan yang berdaftar dan bersifat *non profit organization*, mangsa bencana, mangsa kemalangan, mangsa penyakit kronik dan bantuan kepada jawatankuasa surau/masjid dan rumah ibadat yang berdaftar.

Walau bagaimanapun sumbangan yang diberikan bukan secara sumbangan bulanan tetapi diberi secara *one off*.

3.1.2 JENIS-JENIS PROJEK KECIL PEMBANGUNAN

Projek-projek kecil pembangunan merangkumi Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (Bangunan Awam) berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Bil. 2 Tahun 2007 seperti:-

- a) mengecat bangunan,
- b) peralatan dan kemudahan,
- c) penyelenggaraan pagar, pondok kawalan dan pintu keluar masuk kawasan,
- d) penyelenggaraan lantai dan dinding bangunan,
- e) penyelenggaraan bumbung, atap, saluran air

- hujan dan sistem kalis air,
- f) menyelenggarakan dan membaiki tandas, sistem paip air, sistem kumbahan dan pembetulan,
 - g) membaiki/pendawaian semula elektrik tidak termasuk kerja-kerja penyaman udara,
 - h) penyelenggaraan longkang dan sistem perparitan dalam kawasan,
 - i) penyelenggaraan landskap yang sedia ada dan bersesuaian.

Projek-projek kecil pembangunan turut merangkumi Projek Infrastruktur Asas berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Bil. 3 Tahun 2007 seperti:-

- a) pembinaan titi/jambatan kecil,
- b) Culvert,
- c) jeti kecil,
- d) parit/longkang,
- e) jalan kampung/jalan pertanian.

3.1.3 HAD NILAI PROJEK PEMBANGUNAN KECIL

Had nilai projek pembangunan kecil adalah tertakluk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 5 Tahun 2008 iaitu tidak melebihi **RM20,000** setiap satu dan

setiap projek mestilah dijalankan di kawasan DUN masing-masing.

3.1.4 PERLANTIKAN KONTRAKTOR BAGI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN KECIL

Merujuk kepada Perolehan Kerja di dalam Arahan Perbendaharaan, kerja-kerja di bawah RM20,0000 boleh dibuat secara lantikan terus di kalangan kontraktor kelas F.

Sehubungan itu, kerja-kerja kecil yang bernilai di bawah RM20,000 perlu di beri kepada oleh kontraktor kelas F tempatan yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) di bawah kepala dan sub kepala berkaitan dan Lembaga Pembangunan Industri Malaysia CIDB dalam gred dan kategori yang berkaitan.

3.1.5 LAPORAN PERBELANJAAN PERUNTUKAN ADUN

Perbelanjaan bulanan peruntukan ADUN perlu dipaparkan kepada umum bagi memperlihatkan ketelusan Kerajaan. Sehubungan itu, semua Pejabat Daerah/Tanah perlu memaparkan status perbelanjaan bulanan peruntukan ADUN mengikut kawasan DUN

menerusi laman web rasmi Pejabat Tanah/ Daerah masing-masing.

3.1.6 PROSES TUNTUTAN BAYARAN

Pegawai Daerah perlu memastikan semua tuntutan bayaran yang dikemukakan dijelaskan dalam tempoh 14 hari bekerja bagi mencerminkan kecekapan pengurusan Kerajaan Negeri sebagaimana yang ditetapkan di dalam dasar 2 minggu Kerajaan (*2 weeks policy*). Walau bagaimanapun di dalam kes-kes kecemasan ianya perlu diselesaikan dalam tempoh 3 hari sahaja.

3.1.7 SUMBANGAN DAN PROGRAM- PROGRAM DI LUAR KAWASAN DUN

Peruntukan ADUN hanya dibenarkan dibelanjakan dalam kawasan DUN masing-masing sahaja. Untuk itu sebarang penggunaan sumbangan atau peruntukan ADUN di luar kawasan DUN adalah tidak dibenarkan sama sekali.

3.1.8 PEMBERIAN *OUTRIGHT GRANT* SECARA TERUS KEPADA ADUN

Pegawai Pengawal perlu menyediakan *Outright Grant* kepada setiap ADUN sebanyak RM2,000 daripada peruntukan ADUN secara bulanan bagi tujuan sumbangan kepada mangsa **bencana alam, kebakaran, penyakit kronik dan kemalangan sahaja.**

Walau bagaimanapun, setiap ADUN perlu mengemukakan maklumat-maklumat yang lengkap seperti penerima sumbangan berserta nama, nombor kad pengenalan, alamat dan tujuan sumbangan.

3.1.9 PENGUBAHSUAIAN PEJABAT UNTUK PUSAT KHIDMAT MASYARAKAT

Setiap ADUN dibenarkan membuat kerja-kerja pengubahsuaian Pusat Khidmat Masyarakat masing-masing dengan menggunakan peruntukan ADUN dengan jumlah tidak melebihi RM20,000.00

4 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

- 4.1 Pegawai Pengawal perlu memastikan penggunaan peruntukan ini adalah berdasarkan kategori di atas dan segala

perbelanjaan perlu dipantau secara telus bagi mengelakkan berlakunya pembaziran dan salah guna peruntukan.

5 TARIKH KUAT KUASA

5.1 Arahan ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.2/2008 dan Bil.5/2008.

5.2 Arahan ini adalah tertakluk kepada prosedur kewangan serta lain-lain peraturan kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,

(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)

Pegawai Kewangan Negeri Selangor

Tarikh : Oktober 2008